

**Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd lwn
Lim Kean Siew dan lain-lain**

A

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 22-830
TAHUN 1998

RAUS H

14 JULAI 2000

B

C

Acara Sivil — Penghakiman terus — Tuntutan pemecahan kewajipan berhati-hati terhadap firma guaman — Rayuan anak guam dibatalkan kerana tidak difailkan dalam tempoh yang ditetapkan — Sama ada arahan kepada peguam untuk mengemukakan rayuan adalah jelas — Tuntutan ganti rugi tidak melibarkan wang secara spesifik, sama ada penghakiman terus harus diberikan

Plaintif memohon di bawah A 14 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk penghakiman terus terhadap defendant-defendant. Defendant-defendant didakwa sebagai rakan kongsi sebuah firma guaman yang telah bertindak sebagai peguamcara plaintif dalam rayuan kepada Mahkamah Agung melalui kes Mahkamah Agung Rayuan Sivil No 02-489-1992. Mahkamah Agung telah membatalkan rayuan plaintif kerana rekod rayuan tidak difailkan dalam tempoh yang ditetapkan. Atas pembatalan rayuan tersebut, plaintif mengambil tindakan terhadap defendant-defendant atas alasan bahawa firma guaman defendant-defendant telah memecahkan kewajipan berhati-hati terhadap plaintif dan telah cuai dalam pengendalian rayuan tersebut sehingga rayuan itu dibatalkan. Defendant-defendant telah membangkitkan beberapa isu untuk menunjukkan bahawa kes ini bukanlah kes yang jelas dan nyata di mana penghakiman terus boleh diberikan. Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut: (i) sama ada terdapat arahan yang sewajarnya untuk mengemukakan rayuan; (ii) sama ada defendant-defendant telah bertindak dengan kemahiran yang berpatutan; dan (iii) sama ada plaintif boleh membuktikan liabiliti dan kuantum dan sama ada mereka boleh berjaya di dalam rayuan di Mahkamah Agung.

D

E

F

G

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif:

- (1) Soal sama ada plaintif menerima surat-surat daripada defendant-defendant memohon minit mesyuarat bukanlah isu yang perlu dibicarakan kerana surat plaintif adalah jelas dan memberikan autoriti untuk firma defendant-defendant untuk bertindak bagi pihak plaintif dalam rayuan tersebut. Soal defendant-defendant tidak mendapat arahan sewajarnya dan dengan itu lambat bertindak untuk memfailkan rekod rayuan dan menyebabkan rayuan plaintif ditolak oleh Mahkamah Agung bukan suatu isu yang bermerit yang perlu dibicarakan (lihat ms 680D-F).
- (2) Mahkamah Agung dalam penghakimannya semasa menolak permohonan plaintif mendapat kelengahan adalah disebabkan oleh kelalaian dan kesilapan peguamcara plaintif iaitu defendant-defendant. Dengan apa yang dikatakan oleh Mahkamah Agung

H

I

- A** mengenai isu kelengahan di dalam kes rayuan tersebut, maka tidak ada apa yang hendak dibicarakan lagi mengenai isu ini. Isu ini adalah jelas dan nyata dan dengan itu defendant-defendant tidak mempunyai apa-apa pembelaan mengenainya (lihat ms 681F, 682A-B).
- B** (3) Penghakiman terus seperti yang dipohon oleh plaintiff boleh diberikan terhadap liabiliti dengan ganti rugi ditaksirkan. Defendant-defendant tidak mempunyai pembelaan terhadap liabiliti. Atas alasan yang sama, mahkamah juga menolak hujah defendant-defendant bahawa di dalam kes yang melibatkan tuntutan ganti rugi yang tidak melibatkan wang secara spesifik (unliquidated damages), penghakiman terus tidak seharusnya diberikan (lihat ms 683A-B).

[English summary]

- D** The plaintiff made an application under O 14 rr 1 and 2 of the Rules of the High Court 1980 for summary judgment against the defendants. The defendants were sued as partners of a legal firm that had acted as the plaintiff's solicitors in an appeal to the Supreme Court vide Supreme Court Civil Appeal No 02-489-1992. The Supreme Court had dismissed the plaintiff's appeal because the record of appeal had not been filed in the stipulated timeframe. On the dismissal of the appeal, the plaintiff commenced an action against the defendants on the ground that the defendants' legal firm had breached the duty of care towards the plaintiff and was negligent in handling the appeal causing the dismissal of the appeal. The defendants had raised several issues to show that the case was not a clearly made out one in which summary judgment could be granted. The issues raised were as follows, whether: (i) there had been appropriate instructions for appeal; (ii) the defendants had acted with the same reasonable skill; and (iii) the plaintiff could prove liability and quantum and whether they could succeed in the appeal to the Supreme Court.

G **Held**, allowing the plaintiff's application:

- H** (1) The question as to whether the plaintiff had received the letters from the defendants requesting minutes of the meeting was not an issue that needed to be tried because the plaintiff's letter was lucid and gave the authority to the defendants' firm to act on behalf of the plaintiff in the appeal. The question of the defendants not receiving instructions accordingly and therefore were slow in responding by filing the record of appeal thereby resulting in the dismissal of the plaintiff's appeal by the Supreme Court was not an issue of merit that should be tried (see p 680D-F).
- I** (2) The Supreme Court in its judgment while dismissing the plaintiff's application found the delay was caused by the

negligence and omission of the plaintiff's solicitors, ie the defendants. With what had been said by the Supreme Court regarding the issue of delay in the appeal case, there was nothing else to be tried on this issue. The issue was clearly made out and thus the defendants did not have any available defence (see pp 681F, 682A-B).

- (3) Summary judgment as applied for by the plaintiff could be granted on liability with assessed damages. The defendants had no defence on liability. On the same ground, the court also dismissed the defendants' contention that in a case involving a claim for damages that did not include unliquidated damages, summary judgment ought not be granted (see p 683A-B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penghakiman terus secara am, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 4327–4778.

Kes-kes yang dirujuk

- Associates Bulk Carriers Ltd v Koch Shipping Inc Fuohsan Maru* [1978] 2 All ER 254 (dirujuk)
- Credit Corp (M) Bhd v Bulan Sabit Sdn Bhd & Ors* [1989] 2 MLJ 127 (dirujuk)
- General Trading Corp (M) Sdn Bhd v Overseas Lumber Bhd* [1977] 1 MLJ 108 (dirujuk)
- Gissco Sdn Bhd v Blackgold (M) Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 379 (dirujuk)
- MUI Plaza Sdn Bhd v Hong Leong Bank Bhd* [1998] 6 MLJ 203 (dirujuk)
- Ooi Bee Tat v Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd & Anor and another appeal* [1995] 3 MLJ 465 (dirujuk)
- Ooi Bee Tat @ Ooi Bee Lee & Sons Sdn Bhd & Anor* [1999] 5 MLJ 10 (dirujuk)
- Ooi Boon Teong (t/a Mitsu-Da Construction) v MBf Construction Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 413 (dirujuk)
- Tamparuli Granite Quarry (Sabah) Sdn Bhd & Anor v Davind Fung Yin Kee* [1994] 3 CLJ 686 (dirujuk)
- Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Ooi Bee Tat & Anor* [1993] 3 MLJ 633 (dirujuk)
- Tan Hock Tee v CS Tan & Co* [1979] 1 SLR 358 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14 kk 1(1), 2

Justin Voon (Cheah Teh & Su) bagi pihak plaintif.

Wong Chong Wah (Skrine & Co) bagi pihak defendant-defendant.

A Raus H:*Permohonan plaintiff*

Plaintif melalui saman dalam kamar di lampiran 4, memohon di bawah A 14 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk penghakiman terus terhadap semua defendant seperti berikut:

- B** (a) Jumlah RM11,196,318.27 seperti pada 12 Oktober 1992;
- (b) faedah atas jumlah RM11,196,318.27 tersebut pada 8% setahun dari 12 Oktober 1992 sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- C** (c) atau secara alternatif [kepada (a) dan (b) di atas], untuk suatu deklarasi bahawa defendant-defendant tersebut menanggung rugi plaintiff terhadap jumlah RM11,196,318.27 tersebut seperti pada 12 Oktober 1992 dan faedah ke atas jumlah RM11,196,318.27 tersebut pada kadar 8% setahun dan 12 Oktober 1999 sehingga tarikh penyelesaian penuh menurut penghakiman bertarikh 12 Oktober 1992 yang didapati oleh Ooi Bee Tat & Sons Sdn Bhd terhadap plaintiff dalam Guaman No 449 tahun 1981 dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang;
- D** (d) gantirugi am untuk ditaksirkan oleh mahkamah yang mulia ini;
- (e) faedah ke atas (d) di atas pada kadar 8% setahun dari tarikh writ saman ini sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- E** (f) suatu deklarasi bahawa defendant-defendant tersebut menanggung rugi plaintiff untuk segala kos di mana plaintiff adalah bertanggungan dan/ atau diperintahkan untuk membayar kepada Ooi Bee Tat & Sons Sdn Bhd mengikut terma-terma penghakiman tersebut dan di dalam rayuan kepada Mahkamah Agung melalui Mahkamah Agung Rayuan Sivil No 02-489-1992;
- F** (g) jumlah RM12,500 sebagai fee-fee guaman untuk rayuan tersebut seperti pada 10 April 1995;
- (h) faedah atas jumlah RM12,500 tersebut pada kadar 8% setahun dari 10 April 1995 sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- G** (i) jumlah RM53,300 sebagai fee-fee guaman untuk Guaman No 449 tahun 1981 seperti pada 6 Disember 1991;
- (j) faedah atas RM53,300 tersebut pada kadar 8% setahun dari 5 Disember 1992 sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- (k) kos permohonan ini dan kos tindakan di sini; dan
- H** (l) relif-relif lain dan/atau lanjut yang difikirkan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

Permohonan di kandungan 4 telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk didengar terus dihadapan seorang hakim dan tidak di hadapan penolong kanan pendaftar sebagai lazimnya.

- I** Pada tarikh pendengaran kandungan 4 tersebut, peguam plaintiff telah maklumkan kepada mahkamah bahawa plaintiff menarik balik permohonan di perenggan (a), (b) dan (c). Jadi plaintiff hanya meneruskan

permohonan penghakiman terus terhadap permohonannya seperti di perenggan (d) hingga (l). A

Latar belakang kes

Defendant-defendant adalah didakwa sebagai rakan kongsi-rakan kongsi sebuah firma guaman iaitu Lim Kean Siew & Co ('firma Lim Kean Siew & Co') yang telah bertindak sebagai peguamcara plaintif yang merupakan sebuah syarikat pemaju yang berdaftar, dalam rayuan kepada Mahkamah Agung (pada masa itu) melalui kes Mahkamah Agung Rayuan Sivil No 02-489-1992 ('rayuan tersebut') dari masa rayuan tersebut dibuat pada 24 Oktober 1992 sehingga rayuan tersebut dibatalkan dengan kos pada 7 April 1995. C

B

C

D

E

F

G

H

I

Rayuan tersebut berbangkit dari kes Guaman No 449 tahun 1991 dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang ('guaman tersebut') di mana firma Lim Kean Siew & Co telah dilantik oleh plaintif dan bertindak sebagai peguamcara plaintif.

Guaman tersebut melibatkan:

- (a) Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd (plaintif di dalam kes ini) sebagai plaintif;
- (b) Ooi Bee Tat ('OBT') sebagai defendant pertama; dan
- (c) Ooi Bee Tat & Sons Sdn Bhd ('OBTSSB') sebagai defendant kedua.

Di dalam guaman tersebut, plaintif telah menuntut di antara lain untuk yang berikut:

- (a) satu deklarasi bahawa atas pentafsiran betul suatu perjanjian usahasama bertarikh 20 Mei 1997 ('perjanjian tersebut') dibatalkan;
- (b) satu deklarasi bahawa atas pentafsiran betul perjanjian tersebut dan peristiwa yang telah berlaku dan mengikut undang-undang, OBT tidak berhak untuk memberi atau memindahkan kepada OBTSSB hak, hak milik dan kepentingannya dalam perjanjian tersebut tanpa persetujuan plaintif;
- (c) ganti rugi terhadap OBT dan/atau OBTSSB;
- (d) faedah; dan
- (e) kos.

OBTSSB telah dalam guaman tersebut menuntut balas terhadap plaintif di antara lain untuk yang berikut:

- (a) Suatu perintah untuk perlaksanaan spesifik mengkehendaki plaintif melaksanakan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dan membenarkan OBTSSB sebagai pengganti hakmilik dan/atau pemegang serahhak perjanjian tersebut untuk melaksanakan terma-terma dan syarat-syarat seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian tersebut;
- (b) dan/atau suatu perintah untuk injunksi menahan plaintif melalui mereka sendiri, ahli-ahli, kakitangan-kakitangan atau agen-agen

A mereka dari menghalang ataupun campurtangan dengan kerja-kerja pembangunan dan pembinaan yang akan disambung oleh OBTSSB sama ada melalui mereka sendiri, ahli-ahli, kakitangan-kakitangan atau agen-agen mereka;

(c) ganti rugi-ganti rugi yang benar atau sampingan terhadap plaintiff;

B (d) faedah; dan

(e) kos.

Guaman tersebut telah dibicarakan dalam perbicaraan penuh di mana firma Lim Kean Siew & Co bertindak untuk pihak plaintiff. Di akhir perbicaraan, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, pada 12 Oktober 1992 telah memberi

C penghakimannya ('penghakiman tersebut') mengenai guaman tersebut, di mana tuntutan plaintiff terhadap OBT dan OBTSSB ditolak dengan kos sementara tuntutan balas OBTSSB terhadap plaintiff telah dibenarkan dengan kos. Ganti rugi beserta dengan faedah yang diperintahkan dibayar oleh plaintiff kepada OBTSSB berjumlah RM11,196,318.27.

D Firma Lim Kean Siew & Co telah memfailkan suatu notis rayuan pada 24 Oktober 1992 ke Mahkamah Agung untuk pihak plaintiff terhadap penghakiman tersebut. Walau bagaimanapun, firma Lim Kean Siew tidak memfailkan rekod rayuan untuk pihak plaintiff dalam tempoh enam minggu selepas dimasukkan rayuan tersebut. Atas sebab itu, firma Lim Kean Siew & Co telah memfailkan suatu permohonan ('permohonan tersebut') pada

E 21 Disember 1992 kepada Mahkamah Agung untuk perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan. Di samping itu OBTSSB, responden dalam rayuan tersebut juga memfailkan suatu permohonan melalui notis usul untuk perintah bahawa permohonan tersebut dan rayuan tersebut dibatalkan dengan kos kerana kegagalan plaintiff untuk memfailkan rekod rayuan mengikut masa. Kedua-dua usul tersebut yang saling berkaitan telah didengar bersama oleh Mahkamah Agung pada 7 April 1995. Mahkamah Agung dalam keputusannya telah membatalkan rayuan tersebut.

Atas pembatalan rayuan tersebutlah, plaintiff dengan ini mengambil tindakan terhadap defendant-defendant atas alasan bahawa firma Lim Kean Siew & Co telah memecahkan kewajipan berhati-hati yang terhutang

G kepada plaintiff dan telah cuai dalam pengendalian rayuan tersebut sehingga rayuan tersebut dibatalkan. Selanjutnya dan secara alternatif, plaintiff mengatakan bahawa firma Lim Kean Siew & Co telah memungkiri termaterima tersirat dalam kontrak 'retainer' dan/atau perlantikan peguamcara di antara plaintiff dan firma Lim Kean Siew & Co bahawa firma Lim Kean Siew & Co akan berkemahiran dan berhati-hati dalam pengendalian rayuan tersebut. Dengan itu plaintiff mendakwa mereka telah mengalami kerugian dan kehilangan disebabkan oleh kecuaian dan/atau kemungkiran-kemungkiran tersebut oleh firma Lim Kean Siew & Co dan defendant-defendant adalah bertanggungan untuk yang sama.

H

I *Isu-isu yang dibangkitkan oleh defendant-defendant*

Defendant-defendant telah membangkitkan beberapa isu untuk menunjukkan bahawa kes ini bukanlah kes yang jelas dan nyata di mana penghakiman

terus di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 boleh diberikan. Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut: A

Sama ada terdapat arahan yang sewajarnya untuk mengemukakan rayuan tersebut

Defendant-defendant mengatakan bahawa mereka tidak menerima arahan daripada syarikat plaintiff untuk membuat rayuan. Adalah dihujahkan bahawa mereka memfailkan notis rayuan dan memohon untuk nota-nota keterangan atas jaminan oleh En Tan Teoh Muah, iaitu pengarah syarikat plaintiff bahawa beliau akan mengemukakan dasar kuasa beliau bertindak untuk syarikat plaintiff.

Menurut En Lim Kean Siew, iaitu defendant pertama, melalui affidavitnya di lampiran 5, bahawa selepas keputusan kes guaman tersebut di Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, defendant-defendant pada 14 Oktober 1992 telah menulis kepada plaintiff untuk bertanya sama ada mereka hendak memfailkan rayuan. Berikutan dengan itu, pada 21 Oktober 1992, En Tan Teoh Muah dengan secara lisan mengarahkan Dr Jagjit Singh Sidhu, iaitu defendant kelima untuk membuat rayuan. Oleh kerana En Tan Teoh Muah tidak pernah sebelum ini memberi arahan bagi pihak plaintiff berkenaan guaman tersebut, firma Lim Kean Siew & Co pada 22 Oktober 1992 telah menulis kepada plaintiff memohon minit yang menunjukkan perubahan kepada struktur Lembaga Pengarah Syarikat plaintiff. Surat tersebut yang diekhibitkan sebagai 'LKS-2' berbunyi seperti berikut:

LKS/JSS/MY/420/81
22 October 1992

Messrs Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd
42-42F, Jalan Mesjid Negeri,
11600 Penang.

Dear Sirs,

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

We note that your instructions to us to appeal the decision of the High Court in the above matter have not been communicated to us by your Tan Weng Joo but by Tan Teoh Muah. Thus far all our instructions have come from Tan Weng Joo and if there has been a change in your Board's structure could you please forward us the necessary Board minutes for our records. Please treat this as urgent for we need to apply for the notes of evidence immediately and considerable expense will be involved.

Yours faithfully
sgd

Walaupun surat tersebut di atas dihantar kepada plaintiff pada 22 Oktober 1992, dan jawapan belum diterima, firma Lim Kean Siew & Co seperti diakui oleh En Lim Kean Siew telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Agung terhadap keputusan dalam guaman tersebut pada 24 Oktober 1992. Menurutnya selepas pemfailan notis rayuan ke Mahkamah Agung, firma Lim Kean Siew & Co pada 26 Oktober 1992 telah menulis kepada plaintiff sekali lagi menyatakan bahawa minit yang dipohon

- A** masih belum diterima dan dengan itu tidak boleh meneruskan perkara tersebut tanpa minit tersebut. Surat yang dimaksudkan dan diekshibitkan sebagai ‘LKS-3’ berbunyi seperti berikut:

LKS/JSS/MY/420/81
26 October 1992

- B** Messrs Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd
42-42F, Jalan Mesjid Negeri
11600 Penang.

Dear Sirs,

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

- C** The telephone conversation of 24 October 1992 your Tan Teoh Muah and our Ms Monica refers wherein your Tan Teoh Muah promised to send us the Board Minutes. Regretfully until today we have not received the same. Please be informed that we are unable to proceed with the matter until receipt of the documents requested for.

Yours faithfully

D sgd

Seterusnya mengenai soal minit mesyuarat syarikat tersebut, firma Lim Kean Siew & Co sekali lagi telah menulis surat kepada plaintif pada 18 November 1992. Surat yang dimaksudkan dan diekshibitkan sebagai ‘LKS-4’ berbunyi seperti berikut:

- E**

LKS/JSS/MY/420/81
18 October 1992

Messrs Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd
42-42F, Jalan Mesjid Negeri,
11600 Penang.

- F**

Dear Sirs,

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

We refer to the above matter and inform you that on the undertaking given today by your Tan Teoh Muah to send us a copy of the Board minutes we have requested the court for the notes of evidence in order to prepare for the appeal.

- G**

Yours faithfully

sgd

- H** Plaintiff telah menafikan penerimaan surat-surat ‘LKS-2’, ‘LKS-3’ dan ‘LKS-4’ dan juga ‘LKS-1’. ‘LKS-1’ adalah surat defendant-defendant bertarikh 14 Oktober 1992 yang bertanyakan sama ada plaintif hendak memfaikan rayuan. Surat tersebut berbunyi seperti berikut:

LKS/JSS/MY/420/81
14 October 1992

- I** Messrs Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd
42-42F, Jalan Mesjid Negeri,
11600 Penang.

Attn: Mr Tan Weng Joo

Dear Sirs,

A

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

We refer to the above matter wherein the decision of the court was delivered on 12 October 1992. Please let us know immediately whether or not you would want us to file an appeal with the Supreme Court.

Yours faithfully

B

sgd

C

Dengan penafian tersebut, adalah dihujahkan oleh peguam defendant-defendant bahawa ia menjadi isu yang perlu dibicarakan iaitu sama ada firma Lim Kean Siew & Co ada meminta minit-minit mesyuarat dan sama ada surat-surat tersebut dihantar oleh firma Lim Kean Siew & Co dan diterima oleh plaintif.

Plaintif dalam menjawab pernyataan-pernyataan defendant-defendant mengenai isu arahan wajar untuk membuat rayuan ke Mahkamah Agung, telah menyatakan bahawa tidak terdapat apa-apa masalah atau kekeliruan yang timbul mengenai arahan-arahan oleh plaintif kepada firma Lim Kean Siew & Co untuk merayu terhadap keputusan guaman tersebut.

Encik Tan Teoh Muah dalam affidavit balasan di lampiran 9, sebagai menjawab affidavit En Lim Kean Siew di lampiran 5, mengenai arahan untuk membuat rayuan telah menyatakan seperti berikut:

- (i) Setelah menerima surat bertarikh 21 Oktober 1992 dari firma Lim Kean Siew & Co, untuk arahan sama ada untuk merayu kepada Mahkamah Agung, beliau sebagai wakil dan pengarah plaintif pada masa itu telahpun berjumpa Dr Jagjit Singh Sidhu, iaitu defendant kelima, peguam yang mengendalikan kes plaintif pada masa itu. Surat bertarikh 21 Oktober 1992 yang diekhibitkan sebagai 'TTM-12' berbunyi seperti berikut:

E

F
LKS/JSS/MY/420/91/lm
21 October 1992

Messrs Tan Chim & Sons Sdn Bhd
Nos 42& 42-F, Jalan Mesjid Negeri
(Green Lane TS5)
11600 Pulau Pinang

G

Attn: Mr Tan Weng Joo

Dear Sirs,

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

We refer to the above matter and the judgment delivered by the court on 12 October 1992 re the light of the decision of court which was adverse to you please let us have your immediate instructions as to whether or not we should file an appeal to the Supreme Court.

H

We have also been approached by Presgrave & Matthews, the solicitors for Ooi Bee Tat & Sons Sdn Bhd who have indicated their willingness to discuss a settlement. Can you let us have your authority to begin negotiations with them.

I

Yours faithfully,

Sgd

- A (ii) Semasa perjumpaan itu, Dr Jagjit Singh telah meminta untuk surat dari pihak plaintif dan menyatakan notis rayuan akan difaiklan dahulu untuk menjaga hak-hak plaintif. Dr Jagjit Singh Sidhu telah menderafkan surat dalam tulisan tangannya sendiri contoh surat pihak plaintif yang dikehendaki oleh firma Lim Kean Siew & Co. Salinan surat tulisan tangan deraf Dr Jagjit Singh Sidhu adalah seperti diekshhibit ‘TTM-13’ dan berbunyi seperti berikut:

We refer to the above matter and to your letter dated ...

Our instructions to you are to appeal against the decision of the High Court. Please also file an application for a stay of execution.

- C Further we authorized you to proceed with any negotiations with Presgrave & Matthews for an out of court settlement.
... sgd

- D (iii) suatu mesyuarat Lembaga Syarikat plaintif telah diadakan pada 30 Oktober 1997 di mana deraf surat Dr Jagjit Singh Sidhu telah dikemukakan untuk Pengarah-Pengarah dan Lembaga Pengarah plaintif. Lembaga Pengarah plaintif sebulat suara bersetuju bahawa surat autoriti diberikan kepada firma Lim Kean Siew & Co untuk memberi autoriti kepada mereka merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam guaman tersebut.
- E (iv) Surat autoriti plaintif bertarikh 30 Oktober 1992 berdasarkan kehendak-kehendak firma Lim Kean Siew & Co (kecuali arahan untuk berbincang dengan pihak OBT dan OBTSSB) telah dihantar secara tangan kepada firma Lim Kean Siew & Co. Surat bertarikh 30 Oktober 1992 yang diakuterima oleh pihak firma Lim Kean Siew & Co diekshhibitkan sebagai ‘TTM-15’ berbunyi seperti berikut:

30 October 1992

- F Messrs Lim Kean Siew & Co
5th Floor Wisma Penang Garden
42 Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 Penang

Attn: Mr Lim Kean Siew/ Dr JS Sidhu

- G Dear Sir

Re: Penang High Court Civil Suit No 449/81

We refer to the above matter and to your letter dated 21 October 1992.

Our instructions to you are to appeal against the decision of the High Court. Please also file an application for a stay of execution immediately.

- H Yours faithfully,
Tan Ah Chim And Sons Sdn Bhd
sgd
Tan Teoh Hua
(Director)

- I Dr Jagjit Singh Sidhu di dalam afidavit balasan seperti di lampiran 11, menyatakan bahawa surat plaintif bertarikh 30 Oktober 1992 iaitu ‘TTM-15’, adalah jawapan daripada plaintif kepada surat-surat Firma Lim Kean

Siew & Co yang terdahulu iaitu surat bertarikh 14 Oktober 1992, 22 Oktober 1992 dan 26 Oktober 1992. Menurutnya, surat plaintiff 'TTM-15' tidak mengemukakan 'Board Minutes' yang memberikan kuasa kepada Tan Teoh Muah untuk bertindak bagi pihak plaintiff. Dengan sebab itulah menurutnya, Firma Lim Kean Siew & Co menulis surat bertarikh 18 November 1992 untuk mendapatkan 'Board Minutes' tersebut.

Walaubagaimanapun dapat diperhatikan bahawa terdapat dua surat daripada firma Lim Kean Siew & Co yang bertanyakan kepada plaintiff sama ada hendak membuat rayuan terhadap penghakiman tersebut. Surat pertama bertarikh 14 Oktober 1992 ('LKS-1') yang dikatakan oleh plaintiff tidak diterima seperti surat-surat lain iaitu 'LKS-2', 'LKS-3' dan 'LKS-4'. Surat kedua mengenai perkara yang sama bertarikh 21 September 1992 ('TTM-12') yang dikatakan diterima oleh plaintiff dan dijadikan asas untuk plaintiff bertindak. Persoalannya, mengapakah surat 'TTM-12' tidak merujuk kepada surat 'LKS- 1', jika benar surat 'LKS-1' memang telah dihantar oleh firma Lim Kean Siew & Co. Ini menimbulkan kesangsian atas pengakuan plaintiff ke atas penghantaran surat-surat 'LKS-1', 'LKS-2', 'LKS-3' dan 'LKS -4' yang dikatakan tidak diterima oleh plaintiff.

Namun demikian saya berpendapat bahawa soal sama ada plaintiff menerima surat-surat daripada firma Lim Kean Siew & Co, memohon minit mesyuarat bukanlah isu yang perlu dibicarakan. Ini adalah kerana surat plaintiff bertarikh 30 Oktober 1992 iaitu 'TTM-13' adalah jelas dan memberikan autoriti untuk firma Lim Kean Siew & Co untuk bertindak bagi pihak plaintiff dalam rayuan tersebut. Tambahan pula surat yang diperlukan adalah seperti yang dikehendaki melalui deraf surat yang dituliskan oleh Dr Jagjit Singh iaitu defendant kelima. Jika surat tersebut tidak mencukupi sebagai arahan wajar daripada plaintiff, mengapakah defendant-defendant terus bertindak untuk plaintiff dalam rayuan tersebut? Oleh itu saya berpendapat soal defendant-defendant tidak mendapat arahan sewajarnya dan dengan itu lambat bertindak untuk memfaillkan rekod rayuan, dan dengan itu menyebabkan rayuan plaintiff ditolak oleh Mahkamah Agung bukan suatu isu yang bermerit yang perlu dibicarakan.

Sama ada defendant-defendant sebagai peguamcara plaintiff telah bertindak dengan kemahiran yang berpatutan

Adalah dihujahkan bagi pihak defendant-defendant bahawa soal sama ada defendant telah bertindak dengan kemahiran dan diligent sebagai peguamcara plaintiff merupakan soal fakta dan fakta tersebut hanya boleh dibuktikan atau diputuskan melalui keterangan-keterangan saksi secara lisan.

Pada saya, soal sama ada defendant-defendant telah bertindak dengan kemahiran yang berpatutan, berpusat kepada isu kelengahan atau kelewatan defendant-defendant sebagai peguamcara plaintiff meminta nota-nota keterangan dan seterusnya gagal memfaillkan rekod rayuan dalam tempoh masa yang ditentukan dan dengan itu rayuan tersebut dibatalkan oleh Mahkamah Agung. Persoalannya atas fakta kes ini adakah isu ini suatu isu yang perlu dibicarakan.

- A** Adalah didapati bahawa defendant-defendant dalam afidavit-afidavit mereka dalam menentang permohonan plaintif untuk penghakiman terus ini telah menyatakan bahawa kelengahan yang berlaku untuk memfailkan rekod rayuan adalah disebabkan atau berpunca dari kegagalan mendapat arahan dan kuasa bertindak yang sempurna daripada plaintif. Tetapi pernyataan ini adalah berbeza dengan apa yang dinyatakan oleh defendant-defendant semasa membuat permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan di Mahkamah Agung. Di dalam permohonan tersebut, firma Lim Kean Siew & Co dalam afidavit mereka telah menyatakan bahawa kelengahan yang berlaku adalah disebabkan kelalaian dan kesilapan mereka. Di dalam afidavit yang menyokong permohonan perlanjutan masa tersebut seperti yang terdapat di 'TTM-9' di lampiran 3, Dr Jagjit Singh Sidhu dalam affidavit bertarikh 19 Disember 1992 menyatakan seperti berikut:
- (1) My firm is having conduct of the above case on behalf of the appellant.
 - (2) Judgment against the appellant was entered on 12 October 1992. The time limited for filing the notice to appeal was one month from the date of Judgement and this was filed on 24 October 1992, well within the time produced for under the Rules. A copy of the said notice is now produced and shown to me marked 'exh A'.
 - (3) The time limited for requesting for the notes of evidence was one week from the date of filing of the notice of appeal but the request was not made until 18 November 1992. The reasons why we were late for requesting for the notes of evidence was due to in advertance and under the mistaken impression that the said request was to be made within one week of the expiry of the one month for the filing of the notice of appeal. A copy of our letter to the learned judge is now produced and shown to me marked 'exh B'.
- F** Mahkamah Agung dalam penghakimannya seperti dilaporkan dalam kes *Ooi Bee Tat v Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd & Anor and another appeal* [1995] 3 MLJ 465, semasa menolak permohonan plaintif mendapati kelengahan adalah disebabkan oleh kelalaian dan kesilapan peguamcara plaintif iaitu defendant-defendant dalam kes ini. YA Zakaria Yatim yang menyampaikan keputusan Mahkamah Agung di ms 471 menyatakan:
- The present application for extension of time was filed on 21 December 1992, that is more than eight weeks after the date of the filing of the notice of appeal. On 23 November 1992, the secretary to the learned judge wrote to the appellant's solicitors that he was still typing the notes of evidence. The appellant knew that there was a lengthy trial and that the secretary would take some time to type the notes of evidence. Yet the appellant waited until after the expiry of the six-week period to make the present application.
- H** Under r 62(7), the court has the discretion to grant an extension of time to file the record of appeal. The appellant may even file the application after the expiry of the six-week period provided it has good reasons for doing so. In the present case, the appellant knew that it would take some time for the notes of proceedings to be typed. It was not diligent enough to file the application upon receiving the letter from the secretary to the learned judge dated 23 November 1992.
- I**

A

B

C

D

E

F

G

H

I

Dengan apa yang dikatakan oleh Mahkamah Agung mengenai isu kelengahan di dalam kes rayuan tersebut, maka pada saya tidak ada apa yang hendak dibicarakan lagi mengenai isu ini. Mahkamah Agung telah menyatakan bahawa kelengahan untuk mendapatkan nota-nota keterangan adalah disebabkan kecuaian dan kesilapan defendant-defendant. Jadi isu ini adalah jelas dan nyata dan dengan itu, defendant-defendant tidak mempunyai apa-apa pembelaan mengenainya.

Sama ada plaintiff boleh buktikan liabiliti dan quantum dan sama ada mereka boleh berjaya di dalam rayuan di Mahkamah Agung

Persoalan yang dibangkitkan oleh defendant-defendant ialah sama ada plaintiff boleh membuktikan liabiliti dan quantum dan juga mungkinkah jika rayuan tersebut tidak dibatalkan, plaintiff akan berjaya di dalam rayuan tersebut. Di samping terdapat penghakiman yang tidak memihak terhadap plaintiff dalam kes asal *Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Ooi Bee Tat & Anor* [1993] 3 MLJ 633, juga terdapat satu lagi penghakiman di hadapan YA Hakim yang lain yang juga tidak memihak kepada plaintiff iaitu di dalam kes *Ooi Bee Tat @ Ooi Bee Lee & Sons Sdn Bhd & Anor* [1999] 5 MLJ 10. Juga ditimbulkan bahawa, jika permohonan plaintiff dibenarkan, soal bagaimana penolong kanan pendaftar hendak mentaksirkan kerugian yang dialami oleh plaintiff dengan berlatar belakangkan penghakiman gantirugi yang telah diputuskan oleh dua orang hakim Mahkamah Tinggi dalam kes-kes tersebut di atas.

Mengenai isu ini, plaintiff telah berhujah bahawa penghakiman terus terhadap liabiliti boleh diberikan dalam kes ini dengan gantirugi ditaksirkan. Sandaran kepada hujahan tersebut ialah, kes x.

Di dalam kes *Tamparuli*, Mahkamah Agung dalam memutuskan soal isu kecuaian dipihak peguamcara telah memasukkan penghakiman terus terhadap peguamcara tersebut dan menghantar kes semula ke Mahkamah Tinggi untuk penaksiran gantirugi.

Berpandukan kes tersebut, saya berpendapat bahawa penghakiman terus seperti yang dipohon oleh plaintiff boleh diberikan terhadap liabiliti dengan gantirugi ditaksirkan. Sesungguhnya kes tersebut menunjukkan bahawa sebuah Mahkamah Tinggi boleh meneliti penghakiman sebuah Mahkamah Tinggi yang lain untuk mentaksirkan gantirugi, jika tidak, Mahkamah Agung tidak mungkin membuat perintah yang sedemikian seperti yang diarahkan dalam kes tersebut.

Pendapat tersebut adalah selari dengan A 14 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang menyebut:

The plaintiff may, on the ground that has no defence to such claim or part except as to the amount of any damages claimed, apply to the court for judgements against the defendants. (Penekanan ditambah.)

Juga di dalam kes *Tan Hock Tee v CS Tan & Co* [1997] 1 SLR 358, Mahkamah Tinggi Singapura dalam isu kecuaian peguamcara telah memasukkan penghakiman terus terhadap liabiliti dengan gantirugi ditaksirkan dan menyatakan:

- A** In any case the issue of the extent of the plaintiff's loss would be dealt with later at the assessment stage, I was only concerned with liability.
- Kes tersebut di atas menyokong pendapat bahawa penghakiman terus boleh dimasukkan terhadap liabiliti. Berpandukan fakta kes ini, seperti yang telah diuraikan di atas, saya berpendapat bahawa defendant-defendant tidak mempunyai pembelaan terhadap liabiliti.
- B** Atas alasan yang sama, saya juga menolak hujahan defendant-defendant yang menghujahkan bahawa di dalam kes yang melibatkan tuntutan gantirugi yang tidak melibatkan wang secara spesifik (unliquidated damages) penghakiman terus tidak seharusnya diberikan. Kes-kes *Associates Bulk Carriers Ltd v Koch Shipping Inc Fuohsan Maru* [1978] 2 All ER 254; *Credit Corp (M) Bhd v Bulan Sabit Sdn Bhd & Ors* [1989] 2 MLJ 127; *MUI Plaza Sdn Bhd v Hong Leong Bank Bhd* [1998] 6 MLJ 203; *General Trading Corp (M) Sdn Bhd v Overseas Lumber Bhd* [1977] 1 MLJ 108; *Giscco Sdn Bhd v Blackgold (M) Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 379; dan *Ooi Boon Teong (Trading as Mitsu-Da Construction) v MBf Construction Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 413 yang dikemukakan sebagai sokongan kepada hujahan tidak terpakai dalam kes ini kerana faktanya adalah berlainan. Tambahan pula kes *Tamparuli* menunjukkan dengan jelas kedudukan undang-undang, di mana mahkamah boleh memberikan penghakiman terus terhadap liabiliti dengan gantirugi ditafsirkan.
- E** Efek terhadap kompromi antara pihak-pihak dalam guaman tersebut
- Fakta kes ini menunjukkan bahawa plaintif dan 'OBTSSB' telah pun memasuki suatu perjanjian penyelesaian ('perjanjian penyelesaian tersebut') di mana antara lain dipersetujui bahawa:
- F**
- (a) perjanjian penyelesaian tersebut adalah dimasuki oleh pihak plaintif untuk mengurangkan kehilangan/kerugian ('mitigate its losses') di bawah penghakiman bertarikh 12 Oktober 1999 di dalam Guaman No 449 tahun 1981 dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang dan rayuan plaintif kepada Mahkamah Agung melalui Mahkamah Agung Rayuan Sivil No 02-489-1992 yang telah dibatalkan pada 17 April 1995 dalam Mahkamah Agung akibat kecuaian pihak defendant-defendant. Dengan itu, perjanjian penyelesaian tersebut telah juga dimasuki tanpa mudarat kepada tuntutan pihak plaintif di sini terhadap defendant-defendant;
- G**
- (b) melalui perjanjian penyelesaian tersebut, OBTSSB telah bersetuju untuk mengenepikan haknya untuk melaksanakan terhadap jumlah penghakiman wang RM11,196,318.27 dan faedah ke atas terhadap plaintif melalui penghakiman tersebut atas balasan di antara lain bahawa plaintif akan memindahkan milikan 40 lot tanah atas subjek 'Holding No 70 7.5.5 NED' kepada pihak OBTSSB dan nomininya;
- H**
- (c) plaintif seharusnya memberi ataupun menyebabkan milikan kosong segala 40 lot tanah tersebut diberikan kepada OBTSSB dalam masa tiga bulan dari tarikh perjanjian penyelesaian tersebut; dan
- I**

- (d) plaintif hanya mendapati enam unit lot tanah iaitu empat unit ‘Type B’ terrace house dan dua unit ‘Type C’ house di bawah perjanjian penyelesaian tersebut berbanding dengan 11 unit ‘Type B’ house; empat unit ‘Type C’ house dan 3 unit ‘Type A’ house di bawah Perjanjian Usaha Sama bertarikh 20 Mei 1977 di antara plaintif dan OBTSSB.

A

Perjanjian penyelesaian tersebut telah dikemukakan di eksh ‘TTM-17’di lampiran 19.

B

Adalah dihujahkan oleh defendant-defendant bahawa dengan adanya perjanjian penyelesaian tersebut ia menunjukkan terdapatnya isu yang perlu dibicarakan dan dengan itu A 14 adalah tidak sesuai untuk dipakai.

C

Saya berpendapat perjanjian penyelesaian tersebut tidak berkaitan dengan liabiliti defendant-defendant terhadap plaintif. Ia mungkin boleh dibangkitkan dalam taksiran gantirugi yang akan menentukan kelak kerugian sebenar yang dialami oleh plaintif.

D

Kesimpulannya, saya berpendapat bahawa isu utama dan penting dalam kes ini ialah mengenai kelengahan atau kelewatan pihak defendant-defendant sebagai peguamcara plaintif meminta nota-nota keterangan dan seterusnya gagal memfailkan rekod rayuan tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan, dengan itu menyebabkan rayuan tersebut dibatalkan oleh Mahkamah Agung.

E

Mahkamah Agung dalam keputusannya mengenai kelengahan tersebut, memutuskan bahawa ianya adalah disebabkan kecuaian dan kesilapan defendant-defendant. Dengan keadaan yang sedemikian, isu ini adalah jelas dan nyata dan defendant tidak mempunyai apa-apa pembelaan mengenainya. Soal kegagalan untuk mendapat arahan dan kuasa bertindak yang sempurna daripada plaintif tidak seharusnya menjadi isu, kerana defendant-defendant telah terus mewakili plaintif dalam rayuan tersebut dan dalam permohonan untuk melanjutkan masa.

F

Oleh itu wajarlah penghakiman terus dimasukkan atas liabiliti terhadap defendant atas liabiliti dengan gantirugi yang akan ditaksirkan. Memandangkan soal gantirugi akan tertakluk kepada pertimbangan penghakiman seorang hakim Mahkamah Tinggi yang lain dalam kes guaman tersebut, saya telah mengarahkan taksiran dibuat oleh mahkamah ini dan tidak di hadapan penolong kanan pendaftar seperti lazimnya.

G

Saya juga memerintahkan perintah lain di perenggan-perenggan (e), (f), (g), (h), (i) dan (j) dalam permohonan ini diputuskan bersekali dengan taksiran ganti rugi am di perenggan (d).

H

Atas alasan-alasan tersebut saya telah membenarkan permohonan plaintif seperti di atas dengan kos.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

I